

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,

MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.03.2016

Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan selain pemberian Bantuan Rakyat 1 (BR1M), apakah langkah-langkah lain yang sedang dalam pertimbangan atau perancangan Kerajaan bagi mengurangkan beban kos hidup rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan sentiasa prihatin dalam meringankan beban rakyat,

khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan kumpulan yang mudah terjejas terutamanya dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup. Sehubungan ini, selain daripada pemberian BR1M, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bersepada seperti diumumkan dalam Bajet 2016 oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Oktober 2015 dalam usaha menangani kenaikan inflasi. Ini termasuk:

- Pertama: Memperluaskan barangan kadar sifar GST kepada semua jenis ubat, makanan terpilih dan susu bayi;
- Kedua: Pelepasan GST bagi pengimportan barangan terpilih;
- Ketiga: Menaikkan had pelepasan cukai dan memperkenalkan pelepasan cukai baharu bagi menambah pendapatan boleh guna kumpulan M40, seperti pelepasan cukai terkumpul baharu sebanyak **RM1,500** untuk ibu dan

RM1,500 untuk bapa bagi meringankan kos saraan anak yang menyara ibu-bapa;

Keempat: Menyediakan bantuan persekolahan sebanyak RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah dari kalangan isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah dan pemberian baucar buku kepada semua pelajar warganegara Malaysia di IPTA dan IPTS;

Kelima: Meningkatkan gaji minimum dari RM900 kepada RM1,000 bagi Semenanjung Malaysia sementara bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dari RM800 kepada RM920;

Keenam: Memperkenalkan satu kenaikan gaji dan pemberian khas kepada kakitangan Kerajaan;

Ketujuh: Menyediakan lebih banyak rumah mampu milik menerusi Rumah Mesra Rakyat dan Perumahan Rakyat

1Malaysia (PRIMA); dan

Kelapan: Meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 melalui pelbagai kemudahan pembiayaan.

Kesembilan: Meneruskan skim rebat bil elektrik RM20 kepada pengguna yang layak. Sebanyak 1.08 juta pengguna domestik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak menikmati kemudahan skim ini.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Selain itu, dalam keadaan ekonomi semasa, Kerajaan juga turut mengambil beberapa langkah baru seperti diumumkan dalam Pengubahsuaian Bajet 2016 oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2016. Ini termasuk mengurangkan potongan caruman KWSP pekerja sebanyak 3 peratus mulai Mac 2016 sehingga Disember 2017, sementara caruman majikan dikekalkan. Ini bertujuan meningkatkan perbelanjaan penggunaan swasta sehingga RM8

bilion setahun.

3. Dalam usaha menangani masalah berkaitan kenaikan kos barang keperluan harian rakyat, Kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah untuk mengawal inflasi dan mengurangkan kesannya ke atas rakyat. Ini termasuk:

Pertama: Pembukaan pasar belian terus hasil pertanian atau MyFarm Outlet oleh FAMA yang menjual barang makanan seperti ikan, ayam, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan dengan harga 5 - 20 peratus lebih murah daripada pasaran bagi menggalakkan lebih banyak penawaran dan bekalan. Sebanyak 10 lokasi MyFarm Outlet yang akan dibuka di pusat bandar seluruh negara pada tahun ini;

Kedua: Jumlah Kedai Harga Patut akan ditingkatkan daripada 640 buah kepada 1000 kedai bagi memastikan rakyat menikmati harga barang yang berpatutan;

Ketiga: Mempertingkatkan Penguatkuasaan oleh KPDNKK dan mengambil tindakan undang-undang ke atas peniaga yang tidak beretika, serta mengambil kesempatan mengaut keuntungan yang berlipat ganda atau profiteering; dan

Keempat: Memperkenalkan program MyBeras kepada golongan rakyat yang tertekan dengan kenaikan kos sara hidup, terutamanya golongan miskin tegar. Setiap keluarga miskin tegar yang berdaftar akan dibekalkan dengan 20 kilogram beras setiap bulan sehingga Disember 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sejajar dengan tema Bajet 2016, iaitu Mensejahtera Kehidupan Rakyat, langkah-langkah yang telah diambil dan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan akan dapat membantu rakyat dalam menghadapi masalah kenaikan kos sara hidup.